

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/1990

Oktober/November 1989

BMT 363/3 Mikologi

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BMT 363/3)

1. (a) Berikan takrifan kulat. Huraikan cara nutrisi kulat.

(b) Bincangkan asal usul kulat.

(20 markah)

2. Banyak penyelidikan telah dibuat berkenaan pelbagai aspek biologi Acrasiomycetes dan Myxomycetes. Kedua-dua kelas Kulat ini mempunyai beberapa ciri yang hampir serupa dengan haiwan. Berdasarkan kepada pengetahuan anda, bincangkan sifat-sifat biologi yang menarik dalam kitar hidup kulat tersebut.

(20 markah)

3. (a) Bandingkan persamaan dan perbezaan di antara Phytophthora dan Pythium. Berikan gambarajah yang sesuai di mana perlu.

(12 markah)

(b) Jelaskan istilah-istilah berikut:

(i) Holomorf

(ii) Pengait kapit

(iii) Haustorium

(iv) Dimorfisme

(8 markah)

...3/-

4. Dengan menggunakan gambarajah dan contoh, huraikan pelbagai morfologi dan struktur:
- (a) Flagelum dan zoospora.
 - (b) Jasad buah berseks Ascomycetes.
- (20 markah)
5. (a) Ontogeni konidium merupakan salah satu ciri yang penting untuk pengecaman kulat. Jelaskan pelbagai cara ontogeni konidium yang terdapat dalam Deuteromycetes.
- (12 markah)
- (b) Berdasarkan kepada sistem Saccardo, huraikan pelbagai morfologi konidium dengan gambarajah yang sesuai.
- (8 markah)
6. Berikan keterangan yang jelas berkenaan EMPAT daripada tajuk-tajuk berikut:
- (a) Hormon seks kulat
 - (b) Mildew berdebu
 - (c) Kulat sebagai agen penyakit haiwan dan manusia
 - (d) Kegunaan kulat dalam industri
 - (e) Kulat karat
 - (f) Kitar paraseks
- (20 markah)